

Kerapatan adat khas selepas Aidilfitri

SEREMBAN, Selasa — Ketua-ketua adat Luak Sungai Ujong dijangka mengadakan satu kerapatan adat khas selepas Hari Raya Puasa khusus untuk membincangkan urusan pemilihan Datuk Kelana Putra (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10.

Kerapatan itu akan dihadiri oleh wakil-wakil anak Waris dan ibu soko Waris di Darat daripada Perut Ulu dan Hilir, kata jurucakap ketua-ketua adat itu hari ini.

"Seorang Datuk Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong akan diminta memperkerusi kerapatan ini nanti dan setiap ketua adat

yang mewakili anak-anak Waris dan ibu soko masing-masing akan diminta mengemukakan pendapatnya mengenai cara untuk menyelesaikan krisis perantikan Datuk Kelana Putra ke-10.

"Perbincangan dijangka menyentuh segala aspek yang berkaitan dengan urusan pemilihan Undang baru khususnya menentukan kesahihan setiap anak Waris yang telah dicalonkan untuk menyandang pesaka itu.

"Segala rumusan yang diputuskan dalam kerapatan ini nanti akan dipersembahkan kepada Datuk Shahbandar Shahari Haji Hassan untuk di-

bawa kepada pengetahuan Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan," jelasnya kepada *Berita Harian* di sini.

Menurutnya, salah satu perkara yang dijangka menjadi tajuk perbincangan utama nanti ialah soal Telaga Undang yang didakwa oleh sesetengah pihak menjadi punca utama yang menyebabkan berlakunya krisis itu.

Bellau berkata sesetengah pihak mendakwa bahawa Telaga Undang menjadi punca utama krisis itu kerana hanya anak-anak Waris di Darat daripada 'keturunan Telaga Undang' sahaja yang layak menyandang pesaka Datuk Kelana Putra.